



Perbezaan ketara warna air sungai yang kehitaman akibat pencemaran najis babi di muara Sungai Tuang, Telok Gong dengan air laut yang lebih cerah di Masjid Tanah.

10 tahun hidu bau busuk najis babi

➔ Penduduk Pengkalan Balak dakwa sisa kumbahan turut dilepaskan ke pantai

Oleh Nurul Fhatihah Zakinan
fhatihah@bh.com.my

Alor Gajah

Kira-kira 1,000 penduduk di Pengkalan Balak, di sini, mendakwa terpaksa menghidu bau busuk najis babi yang dilepaskan dari sebuah pusat ternakan berhampiran ke sungai.

Penduduk mendakwa, sisa kumbahan najis itu dilepaskan dari ladang di Paya Mengkuang melalui Sungai Tuang sepanjang kurang satu kilometer (km), sebelum ke muara pantai.

Air sungai berubah hitam

Lebih mengejutkan, najis babi juga dilepaskan ke pantai yang menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar negara.

Tinjauan BH ke lokasi itu mendapati air di sungai ber-

kenaan berwarna hitam pekat dipercayai akibat sisa kumbahan babi yang dilepaskan.

Peniaga, Shamsudin Kasim, 46, berkata masalah itu berlaku sejak 10 tahun lalu, walaupun dimaklumkan banyak pusat ternakan babi diarah ditutup oleh kerajaan negeri beberapa tahun lalu kerana tidak berlesen.

"Bau busuk memang menyeksakan, kami tak tahu cara menyelesaikannya, lebih-lebih lagi pada waktu malam, bau lebih kuat.


"Lokasi kedai saya terletak betul-betul berhampiran muara sungai tempat najis dilepaskan, jadi ia tidak menyenangkan pelanggan. Ada antara mereka bertanya mengapa pantai tiba-tiba bertukar warna hitam, saya cuma jawab ia datang dari sungai terbabit," katanya yang berniaga di situ sejak 10 tahun lalu bersama isteri, Suafizah Abdullah, 35.

Sisa kumbahan merebak

Shamsudin berkata, sisa kumbahan najis berkenaan mendak jika air surut, selain merebak ke arah laut sejauh 500 meter dari pesisir pantai.

"Di muara sungai ini, terdapat benteng batu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), mungkin untuk elak daripada kumbahan itu merebak ke tengah laut, tetapi nampaknya kurang berhasil," katanya.

[FOTO MUHAMMAD HATIM AB MANAN/BH]



Shamsudin menunjukkan air Sungai Tuang yang berwarna hitam pekat akibat pencemaran najis babi.



Aliran air berbuih dan hitam di Sungai Tuang dipercayai daripada sisa najis babi menyebabkan pencemaran bau busuk.